

27/07/1997

Asean perlu kenal pasti pendirian Hun Sen

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Asean wajar menghantar wakilnya ke Kemboja untuk mengenal pasti pendirian sebenar Perdana Menteri Kedua, Hun Sen, berhubung usaha Asean membantu menyelesaikan krisis politik di negara itu.

Menurut Perdana Menteri, Asean harus meneliti pendirian sebenar Hun Sen sebelum membuat sebarang keputusan.

"Apa yang kita tahu hanya berdasarkan laporan akhbar. Dia tidak bercakap apa-apa pun dengan saya.

"Apa yang dinyatakan Hun Sen mungkin benar atau salah. Oleh itu, kita tidak boleh membuat keputusan berdasarkan saluran ini. Kita perlu meneliti apakah pendirian sebenarnya sebelum membuat keputusan seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran 15 Konsep Permohonan Cadangan Permohonan Tender Aplikasi Perdana bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini, semalam.

(END)